

[VIDEO TEMATIK HADITH] - [ZAKAT] - SIRI 1 - KEFARDHUAN ZAKAT

(KLIK)



<https://youtu.be/mrdEjQHmqzk>

VIDEO – [Durasi – 19m 54s] – [ZAKAT – Siri 1] – Kefardhuan Zakat [VIDEO TEMATIK HADITH]

Video penuh asal – . <https://youtu.be/mGxANh7YGgg> [Sunan Abi Daud - Kitab Zakat]

[KOLEKSI VIDEO TEMATIK HADITH - <https://syarahanhadits.school.blog/hadith-tematik-berdasarkan-tema/>]

MATAN DAN RINGKASAN SYARAH HADITH

HADITH PERTAMA

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ النَّخَعِيُّ، حَدَّثَنَا اللَّيْثُ، عَنْ عَقِيلٍ، عَنْ الزُّهْرِيِّ، أَخْبَرَنِي عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُثْمَةَ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ لَمَّا تُوْفِيَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَسْتُخِلَتْ أَبُو بَكْرٍ بَعْدَهُ وَكَفَرَ مَنْ كَفَرَ مِنَ الْعَرَبِ قَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ لِأَبِي بَكْرٍ كَيْفَ تُقَاتِلُ النَّاسَ وَقَدْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ وَاللَّهِ لَا قَاتِلَ مَنْ فَرَّقَ بَيْنَ . "أَقَاتِلِ النَّاسَ حَتَّى يَقُولُوا لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ فَمَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ عَصَمَ مِنِّي مَالُهُ وَنَفْسُهُ إِلَّا بِحَقِّهِ وَجَسَابِهِ عَلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ فَقَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ فَوَاللَّهِ مَا . الصَّلَاةَ وَالزَّكَاةَ فَإِنَّ الزَّكَاةَ حَقُّ الْمَالِ وَاللَّهُ لَوْ مَنَعُونِي عَقَالًا كَانُوا يُؤْذُونَهُ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَقَاتَلْتُهُمْ عَلَى مَنَعِهِ قَالَ أَبُو دَاوُدَ قَالَ أَبُو عُبَيْدَةَ مَعْمَرُ بْنُ الْمُثَنَّى الْعِفَالِيُّ صَدَقَهُ سَنَةً وَالْعِفَالِيُّ . فَعَرَفْتُ أَنَّهُ الْحَقُّ - قَالَ - هُوَ إِلَّا أَنْ رَأَيْتُ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ قَدْ شَرَحَ صَدْرَ أَبِي بَكْرٍ لِلْعُقَاتِلِ قَالَ . وَرَوَاهُ ابْنُ وَهْبٍ عَنْ يُونُسَ قَالَ عَنَّا . قَالَ أَبُو دَاوُدَ وَرَوَاهُ رِبَاحُ بْنُ زَيْدٍ وَعَبْدُ الرَّزَّاقِ عَنْ مَعْمَرٍ عَنِ الزُّهْرِيِّ بِإِسْنَادِهِ وَقَالَ بَعْضُهُمْ عَقَالًا . صَدَقَهُ سَنَتَيْنِ وَرَوَى عُثَيْبَةُ عَنْ يُونُسَ عَنِ الزُّهْرِيِّ فِي هَذَا الْحَدِيثِ قَالَ . أَبُو دَاوُدَ وَقَالَ شُعَيْبُ بْنُ أَبِي حَزْمَةَ وَمَعْمَرُ وَالزُّبَيْدِيُّ عَنِ الزُّهْرِيِّ فِي هَذَا الْحَدِيثِ لَوْ مَنَعُونِي عَنَّا

Imam Abu Daud dengan sanadnya meriwayatkan dari Abu Hurairah katanya apabila Rasulullah s.a.w. wafat dan Abu Bakar dilantik sebagai khalifah selepasnya, dan kufur orang-orang Arab yang telah kufur. Umar bin al-Khattab berkata kepada Abu Bakar: Bagaimana kamu akan memerangi orang-orang ini padahal Rasulullah s.a.w. telah bersabda, "Aku diperintahkan memerangi manusia sehinggalah mereka mengucap 'Lailahaiillallah'. Sesiapa yang mengucap 'Lailahaiillallah' terpeliharalah harta bendanya dan nyawanya daripada saya, melainkan dengan hak-Nya dan perhitungannya terserah kepada Allah". Abu Bakar berkata, "Demi Allah! Aku tetap akan memerangi orang-orang yang membezakan di antara sembahyang dan zakat kerana sesungguhnya zakat itu adalah hak harta. Demi Allah, kalau mereka tidak mahu memberi kepadaku seutas tali (pengikat unta) yang selalu mereka berikan kepada Rasulullah s.a.w. nescaya akan ku perang mereka kerananya". Maka Umar al-Khattab berkata, "Demi Allah! Tidak ada lain yang saya nampak melainkan Allah telah membuka dada Abu Bakar (Allah telah menimbulkan azam di dalam hati Abu Bakar) untuk memerangi golongan itu". Kata Umar, "Dan aku percaya bahawa itulah yang benar"

HADITH KEDUA

حَدَّثَنَا ابْنُ السَّرْحِ، وَسَلْيَمَانُ بْنُ دَاوُدَ، قَالَا أَخْبَرَنَا ابْنُ وَهْبٍ، أَخْبَرَنِي يُونُسُ، عَنِ الزُّهْرِيِّ، قَالَ قَالَ أَبُو بَكْرٍ إِنَّ حَقَّهُ

Dengan sanadnya Imam Abu Daud meriwayatkan daripada Zuhri katanya: Abu Bakar berkata, "Sesungguhnya haknya (hak Islam atau hak Allah) itu ialah menunaikan zakat".

[RINGKASAN] – Kefardhuan Zakat

1. Zakat di segi bahasa bermaksud, (makna pertama), subur, membesar, tumbuh dan (makna kedua), bersih dan suci. Di segi syarak, makna-makna zakat di segi bahasa juga terpakai dan relevan. Ini adalah kerana dengan mengeluarkan zakat, harta tidak akan berkurang tetapi semakin tumbuh, membesar dan subur. Dalilnya, ayat al-Quran, Surah al-Baqarah ayat 276 yang bermaksud, "Allah menyusutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba dan mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah". Dari pengamatan, memang terdapat pengembangan harta dari harta yang disedekah. Dalil dari hadith pula ialah sabda Nabi, "Harta tidak menjadi kurang kerana memberi sedekah (atau zakat)". Kelebihan lain zakat ialah menyucikan dari dosa dan sifat keji seperti bakhil.

2. Sistem zakat menjamin kesejahteraan masyarakat dan membezakan Islam dengan ajaran-ajaran lain, contohnya sistem cukai. Zakat berbeza kerana ianya berkait dengan hak Allah.

3. Istilah "zakat" dalam bahasa Arab boleh bermaksud zakat wajib, sedekah sunat atau nafkah, kebenaran atau keampunan. Di segi syarak, zakat ialah suatu yang wajib, ada kadarnya yang tertentu, yang perlu diberikan kepada orang-orang tertentu (asnaf). Ianya tidak boleh diberikan kepada keturunan Rasulullah dari keturunan Hasyimi dan Abdul Muttalib.

4. Zakat adalah perkara yang asas dalam Islam yang semua orang maklum tentangnya. Orang yang menafikan asas (wajibnya) zakat terkeluar dari Islam sebagaimana orang yang mengingkari wajibnya sembahyang.

5. HADITH PERTAMA – Saidina Umar membantah Saidina Abu Bakar yang ingin memerangi golongan yang enggan mengeluarkan zakat. Beliau berpegang pada hadith Nabi s.a.w. "...Terpeliharalah nyawanya dan hartanya dari gangguan bagi orang yang mengucapkan lailahailallah...". Namun, Saidina Abu Bakar bertekad memerangi mereka kerana beliau berpendapat golongan tersebut telah mencerooboh hak Allah dan hak harta. Saidina Umar bersetuju dengan pendapat Saidina Abu Bakar kemudiannya.

6. Dapat difahami dari hadith ini bahawa, i) Saidina Abu Bakar dilantik menjadi khalifah selepas kewafatan Nabi s.a.w., ii) ada orang yang telah murtad pada masa itu, iii) pada peringkat awal, Saidina Umar tidak bersetuju memerangi orang yang enggan mengeluarkan zakat kerana mereka masih mengaku Islam, iv) ketegasan Abu Bakar dan kebijaksanaanya memahami sabda Nabi s.a.w. dan agama Islam.

7. Ada empat golongan manusia yang dianggap keluar dari Islam selepas kewafatan Nabi s.a.w. iaitu, i) Pengikut nabi palsu Musailamah az-Kazzab dan al-Aswad al-'Ansi, ii) mereka yang kembali kepada agama asal, iii) golongan pertama, tidak murtad pada zahirnya tetapi enggan mengeluarkan zakat kepada pemerintah kerana Nabi sudah wafat dan golongan kedua, golongan yang berpendapat mengeluarkan zakat tidak wajib, dan, iv) mereka yang di atas pagar, menunggu sama ada golongan Islam atau golongan lain yang menang dan mereka akan mengikuti kumpulan yang menang.

8. Yang dipertikaikan oleh Saidina Umar ialah golongan ketiga kerana mereka masih bersyahadat dan ada yang mengeluarkan zakat sesama mereka. Namun hakikatnya, mereka adalah golongan "bughah" (penderhaka). Mereka diperangi kerana menderhaka kepada pemerintah bukan kerana mereka murtad. Kalau dibiarkan mereka akan melemahkan Islam.
9. Zakat adalah hak Allah. Nabi mengambilnya untuk diberikan kepada mereka yang berhak. Khalifah yang menggantikan Nabi s.a.w. hanya meneruskan tugas Nabi. Zakat adalah hak orang ramai.
10. Saidina Abu Bakar akan memerangi mereka yang enggan mengeluarkan zakat walaupun nilai zakat itu adalah kecil.
11. Saidina Umar menukar pendapatnya setelah merenung kembali ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith Nabi dan mendapati pendapat Saidina Abu Bakar adalah benar.
12. Zakat adalah salah satu tonggak dalam Islam dan sikap Saidina Abu Bakar yang memerangi golongan yang mengingkarinya menunjukkan peri pentingnya. Perhatikan bagaimana zakat disebut beriring dengan sembahyang di dalam al-Quran.
13. Zakat adalah hak Allah, hak Islam. Sesiapa yang tidak menunaikan zakat bererti tidak menunaikan hak Allah dan mereka boleh diperangi.
14. Syiar Islam tidak boleh diremehkan. Walaupun sembahyang berjemaah itu tidak wajib, tapi sekiranya penduduk sesuatu tempat bersepakat untuk meninggalkannya, mereka boleh diperangi oleh pemerintah.
15. Dalam Islam ada dua kategori harta iaitu harta yang zahir (yang boleh dilihat atau diketahui oleh orang ramai) dan harta yang tersembunyi. Untuk harta zahir, adalah elok dikeluarkan zakat kepada pemerintah. . .